



Headline	TNB, Sapura ke separuh akhir		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	04 May 2013	Color	Full Color
Section	Arena	Circulation	324,097
Page No	90	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	221 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,162
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,486



TNB, Sapura ke separuh akhir

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) memamer aksi lebih bertenaga pada perlawanan suku akhir kedua Piala TNB semalam apabila membelasah Terengganu HT 5-1 sekali gus mara ke saingan separuh akhir menerusi agregat 8-3.

Persembahan anak buah Nor Azlan Bakar nyata lebih berbeza berbanding suku akhir pertama sebelum ini yang menyaksikan mereka sekadar menang tipis 3-2 ke atas skuad Pantai Timur itu. "Hari ini (semalam) kami mempamerkan corak permainan lebih mudah berbanding suku akhir pertama.

Pada perlawanan yang berlangsung di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil semalam, TNB bagaimanapun bermula hambar apabila ketinggalan 0-1 selepas Azlan Mison menjarangkan gol untuk Terengganu minit ke-30.

Kebangkitan TNB bermula pada babak kedua apabila penyerang sensasi mereka Faizal Saari menyamakan kedudukan pada minit ke-40.

TNB kemudian meledak tiga gol dalam tempoh 10 minit iaitu menerusi pukulan sudut penalti Muhammad Marhan Mohd Jalil pada minit ke-53, jaringan padang Muhammad Azammi Adabi

dua minit kemudian dan pukulan sudut penalti Faizal minit ke-59.

Faiz Helmi Jali terus memusnahkan impian Terengganu mara ke separuh akhir apabila menjarangkan gol kelima TNB pada minit ke-63.

Berikutan kemenangan semalam, TNB akan membuat perhitungan dengan Maybank yang mendapat 'bye' pada saingan separuh akhir yang berlangsung secara timbal balik iaitu pada 10 dan 12 Mei ini.

Sementara itu, dalam satu lagi pertemuan, Sapura mara ke separuh akhir selepas menewaskan UniKL menerusi Agregat 6-4 selepas menang 3-2 semalam.



PEMAIN TNB meraikan kemenangan ketika menentang Terengganu HT pada perlawanan piala TNB di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil, semalam.

FOTO: MUHD ASYRAF SAWAL

TNB	TNB LIGA HOKI
MHL	MALAYSIA
SEMALAM	
SUKU AKHIR 2	
TNB 5 1 Terengganu	
(TNB ke separuh akhir agregat 8-3)	
Sapura 3 2 UniKL	
(Sapura ke separuh akhir agregat 6-4)	